



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk memohon jawatan seperti yang berikut:

1. Taraf Perkhidmatan : Kontrak untuk Perkhidmatan (*Contract for Service*)
2. Jawatan :

Bil.	Jawatan	Gred	Penempatan
i.	Eksekutif Pemasaran Kanan	T41	DBP Cawangan Sabah
ii.	Eksekutif Pemasaran	T29	DBP Hulu Kelang
iii.	Pembantu Eksekutif Pemasaran	T22	DBP Hulu Kelang
iv.	Pembantu Pemasaran Kanan	T19	DBP Hulu Kelang dan DBP Cawangan Sabah
v.	Pembantu Eksekutif Kewangan	TW19	DBP Cawangan Sabah dan DBP Cawangan Sarawak
vi.	Pembantu Pemasaran	T11	DBP Hulu Kelang dan DBP Wilayah Timur

3. Syarat Lantikan dan Upah:

- i. Eksekutif Pemasaran Kanan (T41)
 - a. Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Upah sebulan: RM3,650.00); atau
 - b. Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Upah sebulan: RM3,850.00); dan

- c. Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
 - d. Bidang keutamaan yang diperlukan: Perniagaan dan pemasaran.
- ii. **Eksekutif Pemasaran (T29)**
- a. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (Upah sebulan: RM3,360.00); atau
 - b. Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Upah sebulan: RM3,400.00); dan
 - c. Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
 - d. Bidang keutamaan yang diperlukan: Perniagaan, pemasaran dan teknologi maklumat.
- iii. **Pembantu Eksekutif Pemasaran (T22)**
- a. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (Upah sebulan: RM3,180.00); dan
 - b. Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
 - c. Keutamaan bagi pemohon yang mempunyai pengalaman dalam bidang atau skop kerja pentadbiran, kawal selia stok dan penstoran.
- iv. **Pembantu Pemasaran Kanan (T19)**
- a. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (Upah sebulan: RM2,170.00); atau
 - b. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Upah sebulan: RM2,220.00); atau
 - c. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Upah sebulan: RM2,280.00); dan
 - d. Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- v. Pembantu Eksekutif Kewangan (TW19)
- a. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut (Upah sebulan: RM2,170.00); atau
 - b. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Upah sebulan: RM2,220.00); atau
 - c. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Upah sebulan: RM2,220.00); atau
 - d. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Upah sebulan: RM2,280.00); atau
 - e. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Upah sebulan: RM2,280.00); dan
 - f. Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- vi. Pembantu Pemasaran (T11)
- a. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (Upah sebulan: RM2,090.00); atau
 - b. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] (Upah sebulan: RM2,140.00); dan
 - c. Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Cara Memohon:

- i. Pemohon yang memenuhi syarat yang ditetapkan dan berminat hendaklah mendaftar dan memohon secara dalam talian melalui pautan rasmi epengambilan.dbp.gov.my.
- ii. Pemohon boleh merujuk manual pengguna yang disediakan bagi tujuan pendaftaran akaun dan permohonan jawatan.
- iii. Sebarang pertanyaan, pemohon boleh menghubungi nombor telefon atau e-mel yang berikut:

Nombor Telefon: 03 - 21479331 (bantuan teknikal)

03 - 21479346 (pertanyaan umum)

Masa Panggilan : 10.00 pagi hingga 3.00 petang (Isnin hingga Jumaat kecuali cuti umum)

E-mel: pengambilan@dbp.gov.my

5. Tarikh Tutup Permohonan:

Tarikh tutup permohonan pada **30 Ogos 2021**

6. Keterangan Am :

- i. Pemohon yang disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri temu duga. Pemohon yang tidak menerima jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup permohonan ini dianggap **tidak berjaya**.
- ii. Segala keputusan dalam urusan ini **muktamad**.